

15/02/1997

BN akur keputusan mahkamah

M Thillinadan; Norfatimah Ahmad

GEORGETOWN, Jumaat - Barisan Nasional (BN) akur dan patuh kepada keputusan Mahkamah Tinggi Kuching yang mengisytiharkan keputusan pilihan raya kawasan Dewan Undangan Negeri Bukit Begunan September lalu, sebagai tidak sah dan batal kerana ada unsur rasuah.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata BN Pusat juga akan meneliti keputusan mahkamah itu sebelum mengambil sebarang tindakan susulan.

"Kita (BN) patuh kepada keputusan mahkamah, kita juga kena teliti keputusan itu kemudian baru BN akan membuat persiapan menghadapi pilihan raya kecil, jika perlu," katanya ketika ditemui selepas menyampaikan khutbah Jumaat di masjid Tanjong Tokong di sini, hari ini.

Beliau turut disertai beberapa pemimpin negeri, termasuk Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi, Datuk Dr Hilmi Yahaya dan Ketua Umno Bahagian Bukit Bendera, Datuk Ahmad Ismail.

Anwar mengulas pendirian BN berhubung keputusan Mahkamah Tinggi Kuching yang mengisytiharkan keputusan pilihan raya kawasan berkenaan sebagai tidak sah dan batal kerana kemenangan calon BN, Mong anak Dagang, kerana pengaruh rasuah.

Bagaimanapun, Hakim Ian Chin daripada Mahkamah Tinggi Sabah yang membuat keputusan itu, berkata Mong bersih daripada rasuah dan ini membolehkan Mong dicalonkan semula kerana tiada bukti mengaitkannya dengan rasuah ketika berkempen.

Dalam pilihan raya negeri tahun lalu, Mong mendapat 4,891 undi untuk mengalahkan calon bebas, Donald anak Lawan dengan majoriti 2,165 undi.

Ditanya sama ada keputusan mahkamah itu menjejaskan imej Parti Bersatu Dayak Sarawak (PBDS) dan BN, Anwar berkata soal imej tidak timbul kerana BN menerima keputusan mahkamah.

Mengenai kemungkinan keputusan itu mendedahkan politik wang dalam BN, Anwar berkata: "Saya melihat kes ini secara spesifik iaitu pemberian wang untuk tambang perjalanan dan sebagainya. Saya tidak tahu apakah alasan calon PBDS berhubung keputusan itu."

Ditanya sama ada calon PBDS itu, Mong akan dipanggil BN untuk menjawab tuduhan penggunaan rasuah di kawasan pilihan raya itu, beliau berkata BN Sarawak akan diarahkan menyiasat terperinci tuduhan itu.

Menjawab soalan lain sama ada Mong akan dicalonkan semula oleh BN jika pilihan raya kecil diadakan, Anwar berkata BN Pusat menyerahkan kepada BN Sarawak berhubung calon pilihan raya akan datang.

"Jika ada pilihan raya kecil, terpulang kepada BN Sarawak untuk mengemukakan senarai calon pilihan mereka kepada Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk membuat keputusan," katanya.

(END)